

# Cagamas Bhd akhiri 2018 dengan terbitan berjumlah RM15.8 bilion

**KUALA LUMPUR:** Perbadanan gadai janji negara, Cagamas Bhd, semalam mengumumkan gabungan terbitan bon dan sukuk berjumlah RM1.4 bilion, menjadikan jumlah terbitan pada tahun ini kepada RM15.8 bilion, mengatasi sasaran awalnya.

Terbitan terkini bernilai RM1.4 bilion terdiri daripada Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) RM800 juta, Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) RM400 juta, Kertas Komersial Konvensional (CCP) RM100 juta dan Kertas Komersial Islam (ICP) RM100 juta.

CMTN dan IMTN yang diterbitkan akan matang dalam tempoh satu tahun manakala CCP dan ICP diterbitkan untuk tempoh 6 bulan.

“Kami gembira dapat menyelesaikan terbitan itu berikutan ia membawa jumlah agregat terbitan syarikat bagi tahun ini kepada RM15.8 bilion, menjadikan yang tertinggi dalam dekad lalu.

“Walaupun terdapat pengurangan dalam penawaran

utama bon korporat mata wang tempatan dalam pasaran domestik lebih 10 peratus, tahun ke tahun, jumlah keseluruhan yang diterbitkan oleh syarikat turut menunjukkan peningkatan lebih RM400 juta berbanding tahun sebelumnya,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong dalam kenyataan kelmarin.

Beliau berkata 2018 mencatatkan banyak acara penting dan kejutan, di peringkat domestik dan global dengan perubahan dalam kerajaan Malaysia buat kali pertama dalam enam dekad dan ketidaktentuan geopolitik yang berterusan yang menyebabkan turun naik sepanjang tahun.

Walaupun terdapat kebimbangan mengenai paras hutang Malaysia, terbitan syarikat itu diterima dengan baik pada tahap kompetitif, yang jelas pasaran domestik terus berdaya tahan dan kukuh, selain keyakinan pelabur terhadap profil kredit syarikat. — Bernama